

19 MAY 1997

MEC CUBA TEMBUSI PASARAN AMERIKA SELATAN DAN EROPAH

KUANTAN, 19 Mei (Bernama) -- Malaysia Electric Corporation Berhad (MEC), yang menubuhkan pusat pengeluaran barangan elektrik di kawasan perindustrian Gambang di sini, kini sedang berusaha menembusi pasaran di Amerika Selatan dan Eropah.

Presiden MEC Berhad, Datuk Seri Teong Teck Leng hari ini berkata, pada masa ini, barangan elektrik keperluan rumah yang dikeluarkan oleh MEC melalui beberapa buah kilangnya di seluruh negara berjaya memasuki pasaran Timur Tengah, Australia dan Afrika Selatan.

Semasa ditemui pemberita di sini, beliau berkata tempahan yang diterima begitu menggalakkan di mana negara-negara Timur Tengah sahaja mencatatkan pesanan pelbagai jenis barangan elektrik berjumlah US\$500 juta.

Katanya, MEC juga berjaya mengambil alih sebuah kilang dan agensi pemasaran di Eropah baru-baru ini. Bagaimanapun, beliau enggan menamakan syarikat terbabit.

MEC City yang dibangunkan pada kawasan seluas 1,200 hektar dengan kos awal RM750 juta merupakan pusat pelbagai jenis barangan elektrik untuk pasaran tempatan dan antarabangsa. Pelancarannya dilakukan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad 17 Mac lepas.

Beliau berkata pada masa ini, MEC mengeluarkan kira-kira 200 jenis barangan elektrik di semua kilangnya di seluruh negara.

Teong meramalkan perolehan MEC Berhad akan mencapai RM5,000 juta dalam beberapa tahun akan datang berikutan pasaran barangan elektrik yang semakin baik.

Pada masa ini, perolehan daripada penjualan pendingin udara dan peti sejuk sahaja mencecah RM2,000 juta. -- BERNAMA

ROS SIA